



## INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



# PERSEDIAAN TERHADAP PENGGUNAAN MS TEAMS SEBAGAI PLATFORM UTAMA PdPDT DI KALANGAN PELAJAR JTMK PMS

*PREPARATION FOR THE USE OF MS TEAMS AS THE MAIN PLATFORM OF  
PdPDT AMONG JTMK PMS STUDENTS*

Roziyaliney Muhammad<sup>1</sup>, Haris Fadillah Hasan<sup>2</sup>, Norwahida Saamri<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Information Technology and Communication, Politeknik Muadzam Shah, Malaysia  
Email: roziyaliney@pms.edu.my

<sup>2</sup> Department of Information Technology and Communication, Politeknik Muadzam Shah, Malaysia  
Email: haris@pms.edu.my

<sup>3</sup> Department of Information Technology and Communication, Politeknik Muadzam Shah, Malaysia  
Email: norwahida@pms.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 18.01.2021

Revised date: 04.02.2021

Accepted date: 19.02.2021

Published date: 05.03.2021

#### To cite this document:

Muhammad, R., Hasan, H. F., & Saamri, N. (2021). Persediaan Terhadap Penggunaan MS Teams Sebagai Platform Utama PdPDT Di Kalangan Pelajar JTMK PMS. *Journal of Modern Education*, 3(8), 138-148.

### Abstrak:

Platform MS Teams merupakan medium pdpdt pilihan pensyarah dalam menyampaikan kandungan silibus kepada pelajar-pelajar. Satu tinjauan yang bertajuk Persediaan Terhadap Penggunaan MS Teams Sebagai Platform Utama PdPDT Di Kalangan Pelajar JTMK, PMS telah dijalankan bagi mengetahui tahap persediaan pelajar-pelajar terhadap penggunaan platform MS Teams sebagai platform utama pdpdt. Seramai 250 orang pelajar JTMK PMS yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester 1 hingga semester 5 telah dipilih sebagai responden kepada tinjauan ini. Soal selidik yang berjenis skala likert 5 telah digunakan sebagai sampel pengumpulan data yang diedarkan melalui aplikasi google forms kepada semua responden. Hasil analisis daripada tinjauan yang dijalankan ini menunjukkan pada bahagian kemudahan penggunaan MS Teams, bacaan min 3.95 telah dicatatkan dengan sisihan piawai 0.688. Bahagian kedua pula iaitu kesesuaian rekabentuk antaramuka mencatatkan bacaan min sebanyak 4.11 dengan sisihan piawai 0.693. Bahagian tiga iaitu kesesuaian rekabentuk topik mencatatkan bacaan min 3.96 dengan sisihan piawai 0.701. Bahagian empat iaitu faktor yang membantu pelajar mempelajari topik mencatat bacaan min 4.04 dengan sisihan piawai 0.704 manakala bahagian terakhir iaitu motivasi pula mencatat bacaan min 3.77

**DOI:** 10.35631/IJMOE.380012**This work is licensed under CC BY 4.0**

dengan sisihan piawai 0.844. Indeks min keseluruhan bagi tinjauan ini adalah 3.96. Secara keseluruhannya, tinjauan ini membuktikan bahawa MS Teams dapat diterima oleh pelajar-pelajar JTMK, PMS sebagai platform utama pdpdt bagi mengantikan bilik kuliah realiti.

**Kata Kunci:**

MS Teams, PdPDT, Covid-19

**Abstract:**

The MS Teams platform is the medium of choice for lecturers in delivering syllabus content to students. A survey entitled Preparation for the Use of MS Teams as The Main Platform Of PdPDT Among JTMK PMS Students was conducted to find out the level of preparation of students for the use of MS Teams platform as PdPDT main platform. A total of 250 JTMK PMS students consisting of students from semester 1 to semester 5 were selected as respondents to this survey. The Likert 5 scale questionnaire was used as a sample of data collection distributed through the google forms application to all respondents. The results of the analysis from this survey showed that in the ease of use of MS Teams, a mean reading of 3.95 was recorded with a standard deviation of 0.688. The second part, which is the interface design suitability recorded a mean reading of 4.11 with a standard deviation of 0.693. Part three which is the suitability of the topic design recorded a mean reading of 3.96 with a standard deviation of 0.701. Part four is the factor that helps students learn the topic of reading a mean reading of 4.04 with a standard deviation of 0.704 while the last part is the motivation of recording a mean reading of 3.77 with a standard deviation of 0.844. The overall mean index for this survey is 3.96. Overall, this survey proves that MS Teams can be accepted by JTMK, PMS students as the main platform for PdPDT to replace reality lecture rooms.

**Keywords:**

MS Teams, PdPDT, Covid-19

**Pengenalan**

Tahun 2020 membuka tirai dengan penularan wabak coronavirus yang dikenali sebagai covid-19. Virus yang berasal dari Wuhan, China itu telah merebak hampir ke seluruh dunia dan telah meragut jutaan nyawa mangsanya. Menurut Berita Harian pada 12 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisyiharkan COVID-19 sebagai pandemik, sekali gus menegaskan penularan dan keadaan wabak itu yang teruk adalah sangat membimbangkan. Secara umum, pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan, malah hingga ke seluruh dunia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pandemik bermaksud wabak penyakit yg tersebar dgn begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Covid-19 yang melanda pada tahun ini telah melumpuhkan hampir keseluruhan sektor sosial dunia. Negara-negara yang mempunyai jumlah kes yang tinggi telah mengambil langkah mengawal penularan dengan melaksanakan *lockdown* atau perintah kawalan pergerakan. Dunia pendidikan tidak terkecuali daripada terkena kesannya.

Dengan jumlah kes yang semakin meningkat dari semasa ke semasa telah memaksa Kementerian Pendidikan untuk membuat keputusan yang drastik dengan menutup keseluruhan institusi pendidikan negara buat sementara waktu. Bagi membendung angka kes dari terus melonjak naik, sesi pengajaran dan pembelajaran diteruskan secara dalam talian secara keseluruhannya. Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Muadzam Shah (PMS) turut mengaplikasikan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (pdpt). Pemilihan platform yang sesuai dari segi kemudahan penggunaan, kesesuaian rekabentuk antaramuka, kesesuaian rekabentuk interaksi dan elemen-elemen lain yang dapat membantu pelajar mempelajari kandungan silibus yang disampaikan merupakan faktor pilihan guru atau pensyarah dalam pemilihan platform pdpt.

Sesi pdpt memerlukan satu medium bilik darjah maya bagi membolehkan pelajar dan guru atau pensyarah berinteraksi secara dua hala. Bilik darjah maya tidak begitu berbeza dengan bilik darjah tradisional. Di dalam kelas maya terdapat guru yang mengajar tetapi bukan di kelas tetapi di hadapan kamera komputer di suatu tempat lain dan pelajar yang mengambil bahagian di dalam kelas tersebut berada di hadapan computer di suatu lokasi yang lain. Di dalam bilik darjah maya boleh ada sesi interaktif seperti kelas tradisional, pelajar dan guru boleh berinteraksi secara dua hala. Bilik darjah maya boleh didefinisikan sebagai "alat persidangan web kolaboratif dengan papan putih dalam talian, bilik pelarian dan keupayaan perkongsian skrin bagi guru dan tutor yang ingin menjalankan sesi pengajaran dalam talian secara interaktif." (Swapnil Alhat, 2020)

Terdapat banyak pilihan platform pdpt yang boleh digunakan. Antara aplikasi pertemuan maya yang biasa digunakan adalah *Big Blue Button*, *Google Classroom*, *Zoom*, *GoToMeeting*, *Cisco Webex*, *MS Teams* dan banyak lagi aplikasi lain. Platform MS Teams merupakan medium pdpt pilihan pensyarah JTMK dalam menyampaikan silibus kepada pelajar-pelajar. Pemilihan platform yang menarik dan mempunyai ciri-ciri yang interaktif akan membuatkan sesi pdpt akan menjadi lebih menarik. Selain itu kaedah dan gaya persembahan oleh pensyarah juga turut memainkan peranan penting bagi mewujudkan suasana pdpt yang tidak membosankan. Kerjasama di antara pensyarah dan pelajar turut menyumbang kepada keberkesanan kaedah pdpt ini.

Melalui tinjauan di JTMK, hampir keseluruhan pensyarah memilih MS Teams sebagai platform utama bilik kuliah maya. Faktor utama MS Teams menjadi pilihan pensyarah ialah pihak PMS telah menyediakan akaun Microsoft kepada semua pensyarah dan pelajar yang membolehkan mereka mengakses Microsoft Teams dengan mudah. Faktor lain pemilihan MS Teams adalah sesi pdpt yang dilaksanakan boleh dirakam dan dimuat turun oleh pelajar. Bagi sesetengah pelajar yang kurang jelas dengan sesuatu topik yang diajar, mereka boleh memainkan semula rakaman yang telah dimuat turun bagi menguasai tahap kefahaman terhadap topik berkenaan.

Namun begitu, mampukah sesi pdpt atau ini memberi keberkesanan yang sama dengan kehadiran pensyarah di dalam sesi perkuliahan secara realiti. Antara faktor yang menjadi penghalang utama adalah capaian internet yang tidak stabil di beberapa kawasan kediaman pelajar. Isu ini menjurus kepada halangan utama yang menyebabkan pelajar tersebut agak ketinggalan di dalam mencapai tahap kefahaman yang diinginkan.

Justeru itu, pengkaji merasakan perlu untuk menjalankan satu tinjauan berkenaan persediaan pelajar-pelajar JTMK, PMS dalam sesi pdptd sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan akibat pandemik covid-19 ini. Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap persediaan diri pelajar dalam penggunaan MS Teams sebagai paltform pdptd utama.

### Pernyataan Masalah

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengakibatkan penutupan pelbagai sektor sosial kerajaan termasuk sektor pendidikan. Justeru itu pensyarah perlu memilih platform yang sesuai untuk meneruskan pengajaran dalam talian menggunakan kaedah pembelajaran segerak (*synchronous*). Bagi pihak pelajar pula, mereka perlu mempunyai persepsi positif mengenai pembelajaran segerak untuk mereliasikan kaedah pembelajaran norma baru tersebut.

### Objektif Kajian

- (i) Mengkaji persediaan pelajar terhadap penerimaan penggunaan MS Teams sebagai platform utama pdptd.
- (ii) Mengkaji elemen persediaan pelajar terhadap penerimaan platform MS Teams iaitu kemudahan penggunaan, kesesuaian rekabentuk antaramuka, kesesuaian rekabentuk interaksi, membantu mempelajari topik dan motovasi.

### Kajian Literatur

Perkembangan dunia tanpa sempadan memperlihatkan perubahan ketara medium pengajaran dan pembelajaran daripada kaedah konvesional papan putih kepada penggunaan pelbagai platform elektronik di atas talian seperti ‘Google Classroom’, ‘Cisco Webex Classroom’ dan ‘Microsoft Teams’. Perubahan dasar ini memberi impak ketara kepada pendidik dan para pelajar (Mohd Amiruddin Ag Damit dan Mohd Khaizer Omar, 2019), namun penggunaan medium yang berkesan boleh di anggap sebagai satu alternatif dalam dunia pembelajaran digital (Nur Syarafina Binti Abdul Rahman, Zainal Fitri Bin Mohd Zolkifli dan Ying Leh Ling, 2018).

Bagi menjamin keberkesanan medium yang dipilih, beberapa faktor perlu dikenalpasti seperti fasiliti yang mencukupi, kesediaan pengguna dan polisi institusi yang menyokong penggunaan medium tersebut (Awang, Hapini, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Erwani Kamaruddin, Abdul Razak F. Shahatha Al-Mashhadani Zulkifli, dan Shakiroh Khamis, 2020). Pengguna (pendidik) yang terlatih secara efisien mampu untuk memberikan kesan yang positif dalam menjana kreativiti pelajar dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menguasai ilmu sepenuhnya (Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, dan Khadijah Abdul Razak, 2020). Aspek kesediaan pelajar sebagai pemain utama juga perlu di ambil kira sebagai faktor penentu keberkesanan medium yang dipilih kerana terdapat hubungan positif yang ketara di antara kesediaan pelajar dan keberkesanan kaedah pembelajaran (Demir Kaymak, Zeliha, and Mehmet Baris Horzum, 2013)

### Metodologi

Metodologi kajian ini dibahagikan kepada rekabentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, kajian rintis, dan analisis data. Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS.

Dalam kajian ini, kaedah tinjaun digunakan untuk mengumpul maklum balas dari pelajar-pelajar JTMK, PMS sebagai persediaan terhadap menggunakan MS Team sebagai platform utama pdpt. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian yang bersifat kuantitatif dan kualitatif kerana data dikutip dari soal selidik yang diedarkan kepada kumpulan pelajar semester 1 hingga semester 5 Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) di JTMK, PMS dan juga sesi temubual bersama responden yang telah dipilih secara rawak. Pelajar dari setiap semester dipilih kerana mereka merupakan pelajar-pelajar yang perlu menjalani sesi pdpt berikutnya penularan wabak pandemik covid-19.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua sumber data iaitu data primer dan data sekunder. Maklumbalas adalah diperolehi daripada sumber data primer iaitu responden yang terlibat mengisi borang soal selidik bagi meninjau situasi sebenar. Seterusnya, pengkaji menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada jurnal, buku-buku, majalah, keratan akhbar, sorotan kajian-kajian lepas serta internet. Data ini digunakan untuk menambah bahan bacaan yang digunakan dalam kajian ini dan dapat digunakan untuk menjawab persoalan kajian.

Dalam kajian ini, sampel kajian yang dipilih adalah seramai 449 orang pelajar semester 1 hingga semester 5 Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) di JTMK, PMS sesi Jun 2020. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan secara rawak. Menurut Mohamad Najib (1999), pemilihan sampel secara rawak adalah menjimatkan masa dan kos di samping bebas daripada biasa.

Instrumen kajian ini terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian pertama soal selidik melibatkan data dermatografi pelajar manakala bahagian kedua merupakan soalan-soalan yang berkaitan dengan persediaan pelajar menggunakan MS Teams. Dalam bahagian A pengkaji menganalisis data yang diperolehi menggunakan statistik deskriptif iaitu dengan melihat skor min dan peratusan. Di samping itu data-data ditransformasikan ke dalam bentuk jadual dan graf yang sesuai. Manakala semua data dan maklumat di dalam Bahagian B, pengkaji menggunakan statistik deskriptif dengan berpandukan skor min dan sisihan piawai. Analisis min ini akan digunakan kerana ia boleh mengukur skor min yang membawa kepada gambaran data secara keseluruhan (Uma Sekaran, 2000).

Satu kajian rintis telah dilakukan ke atas 10 orang pelajar JTMK, PMS yang mengambil Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital). Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai Alpha Cronbach yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap baik, tinggi, dan berkesan. Manakala, julat menghampiri 0.00 pula, ia menggambarkan tahap kebolehanpercayaan yang rendah (Yusof, 2004). Jadual 2 menunjukkan panduan dalam menganalisis kajian rintis. Dapatkan analisis kajian rintis ini mendapati, nilai kebolehpercayaan yang merujuk kepada nilai Alpha Cronbach ialah 0.951 seperti Jadual 1. Ini menunjukkan instrumen berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015). Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan soal selidik ini adalah memuaskan dengan nilai Alpha Cronbach 0.951.

**Jadual 1: Nilai Alpha Cronbach Item Soal Selidik**

<b>Alpha Cronbach</b>	<b>Alpha Cronbach Berdasarkan Piawaian Item</b>	<b>N Items</b>
0.951	0.953	20

Jadual 2 Jantina Pelajar menunjukkan pecahan jantian responden kajian ini. Sebanyak 250 orang responden iaitu 43.8% terdiri daripada pelajar lelaki manakala selebihnya pelajar perempuan iaitu 56.2%. Peratusan bagi pecahan setiap semester ditunjukkan di dalam Jadual 3 Semester dengan 12.4% adalah pelajar semester 1, 14.8% adalah pelajar semester 2, 42.8% merupakan pelajar semester 3, 12.4% adalah pelajar semester 4 dan 17.6% merupakan pelajar semster 5. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah responden Melayu iaitu 88% atau 220 orang. Hanya terdapat 2 orang responden Cina iaitu 10.8% dan 27 orang responden India iaitu 10.8% mengambil bahagian dalam kajian ini. Nilai peratusan ditunjukkan di dalam Jadual 4 Bangsa.

**Jadual 2: Jantina Pelajar**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Lelaki	110	44.0
Perempuan	140	56.0

**Jadual 3: Semester**

<b>Semester</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
1	31	12.4
2	37	14.8
3	107	42.8
4	31	12.4
5	44	17.6

**Jadual 4: Bangsa**

<b>Bangsa</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Melayu	221	88.4
Cina	2	0.8
India	27	10.8

Bahagian kedua instrumen kajian yang digunakan merupakan soal selidik yang berhubung dengan persediaan pelajar dalam menggunakan platform MS Teams sebagai platform utama pdpt dengan penggunaan skala Liker 5 mata (1-Sangat Tidak Setuju, 2-Tidak Setuju, 3-Kurang Setuju, 4-Setuju, 5-Sangat Setuju). Terdapat lima faktor kajian yang ditekankan iaitu kemudahan penggunaan Ms Teams di kalangan pelajar, kesesuaian rekabentuk antara muka Ms Teams, kesesuaian rekabentuk interaksi Ms Teams, faktor yang dapat membantu pelajar-pelajar memahami topik yang diajar dan juga faktor motivasi.

**Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai Kemudahan Penggunaan Platform Ms Teams**

<b>Item</b>	<b>Kemudahan Penggunaan</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>
S1	Platform MS Teams mudah untuk digunakan.	4.20	0.753
S2	Saya tidak menghadapi masalah sepanjang menggunakan MS Teams	3.50	1.019
S3	Saya boleh meneroka ( <i>explore</i> ) Ms Teams tanpa bantuan dari pihak lain.	3.90	0.861
S4	Setiap menu yang terdapat di dalam MS Teams mudah difahami fungsinya.	4.12	0.813
<b>MIN DAN SISIHAN PIAWAIAN KESELURUHAN</b>		<b>3.95</b>	<b>0.688</b>

Jadual 5 menunjukkan faktor kemudahan penggunaan platform MS Teams dengan nilai min keseluruhan adalah 3.95 dan sisihan piawai adalah 0.688.

**Jadual 6: Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Rekabentuk Antaramuka Platform Ms Teams**

<b>Item</b>	<b>Kesesuaian Rekabentuk Antaramuka</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>
S5	Platform MS Team mempunyai pelbagai fungsi yang menarik.	4.10	0.818
S6	Tulisan dan arahan yang terdapat di dalam Ms Teams ini jelas dan boleh dibaca.	4.16	0.817
S7	Penggunaan grafik di dalam MS Teams adalah menarik	4.00	0.860
S8	Menu dan fungsi di dalam Ms Teams mudah difahami dan digunakan.	4.17	0.747
<b>MIN DAN SISIHAN PIAWAIAN KESELURUHAN</b>		<b>4.11</b>	<b>0.693</b>

Jadual 6 menunjukkan faktor kesesuaian rekabentuk antara muka platform MS Teams dengan nilai min keseluruhan adalah 4.11 dan sisihan piawai adalah 0.693.

**Jadual 7: Skor Min dan Sisihan Piawai Kesesuaian Rekabentuk Interaksi Platform Ms Teams**

<b>Item</b>	<b>Kesesuaian Rekabentuk Interaksi</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>
S9	Penyampaian isi pelajaran dengan menggunakan Ms Teams adalah tercapai objektifnya.	3.92	0.900
S10	Penggunaan MS Teams banyak membantu saya dalam memahami silibus yang disampaikan oleh pensyarah secara PdPDT.	3.78	0.946

S11	Penyampaian maklumat dan isi kandungan pelajaran dengan menggunakan MS Team ini senang diikuti.	3.93	0.816
S12	Fungsi-fungsi yang terdapat di dalam MS Team ini membantu saya dalam sesi PdPDT.	3.96	0.778
<b>MIN DAN SISIHAN PIAWAIAN KESELURUHAN</b>		3.96	0.701

Jadual 7 menunjukkan faktor kesesuaian rekabentuk interaksi MS Teams dengan nilai min keseluruhan adalah 3.96 dan sisihan piawai adalah 0.701.

**Jadual 8: Skor Min dan Sisihan Piawai Membantu Mempelajari Topik Di Dalam Platform Ms Teams**

Item	Membantu Mempelajari Topik	Min	S.P
S13	Ms Teams membantu saya untuk memahami mengenai topik kursus yang dipelajari dengan memainkan semula video yang telah dirakam	4.21	0.806
S14	Ms Teams membantu saya dengan memuat turun Nota di dalam fungsi yang disediakan .	3.97	0.831
S15	Ms Teams memudahkan saya untuk menghantar tugas yang telah diberikan.	3.89	0.955
S16	Ms Teams memberi ruang kepada saya untuk berkongsi pendapat dengan pensyarah dan rakan sekelas.	4.09	0.838
<b>MIN DAN SISIHAN PIAWAIAN KESELURUHAN</b>		4.04	0.704

Jadual 8 menunjukkan faktor yang membantu pelajar-pelajar dalam memahami topik yang diajar di dalam platform MS Teams dengan nilai min keseluruhan adalah 4.04 dan sisihan piawai adalah 0.704.

**Jadual 9: Skor Min dan Sisihan Piawai Motivasi Di Dalam Platform Ms Teams**

Item	Motivasi	Min	S.P
S17	Saya seronok menggunakan Ms Teams	3.96	0.863
S18	Ms Team telah menaikan minat saya untuk terus menggunakan sebagai platform PdPDT..	3.82	0.956
S19	Saya berasa yakin untuk menjawab soalan peperiksaan melalui sesi pdp secara MS Team.	3.59	1.109
S20	Sekiranya diberi peluang, saya ingin terus menggunakan MS Team sebagai platform PdP.	3.73	1.040
<b>MIN DAN SISIHAN PIAWAIAN KESELURUHAN</b>		3.77	0.844

Jadual 9 menunjukkan faktor motivasi di dalam platform MS Teams dengan nilai min keseluruhan adalah 3.77 dan sisihan piawai adalah 0.844.

**Jadual 10 : Purata Min Bagi Elemen Platform Ms Teams**

<b>Bil</b>	<b>Kepuasan Majikan Terhadap Graduan PMS</b>	<b>Purata Min</b>
1.	Kemudahan Penggunaan	3.95
2.	Kesesuaian Rekabentuk Antaramuka	4.11
3.	Kesesuaian Rekabentuk Interaksi	3.96
4.	Membantu Mempelajari Topik	4.04
5.	Motivasi	3.77
<b>Indeks Persediaan Pelajar Terhadap Ms Teams</b>		<b>3.96</b>

Jadual 10 menunjukkan bacaan min bagi keseluruhan soal selidik. Purata min bagi keseluruhan soal selidik adalah 3.96. Ini menunjukkan tahap penerimaan pelajar JTMK PMS terhadap penggunaan platform MS Teams adalah berada pada tahap yang tinggi.

**Impak**

Hasil daripada tinjauan ini menunjukkan min keseluruhan soal selidik adalah 3.96. Ia menunjukkan penggunaan MS Teams adalah diterima oleh pelajar-pelajar JTMK, PMS sebagai platform utama pdpt. Dapat dinyatakan bahawa platform MS Teams diterima oleh majoriti pelajar bagi menggantikan pertemuan secara bersemuka di antara pensyarah dan pelajar. Ms Teams mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan platform dalam talian yang lain, antaranya ialah MS Teams digunakan sebagai platform menghantar tugas, melaksanakan kuiz dan ujian dan juga sebagai platform bagi pensyarah menyampaikan sebarang maklumat yang penting. Dengan menggunakan Ms Teams, sesi pdp masih boleh diteruskan seperti sediakala walaupun pelajar dan pensyarah tidak berada di tempat yang sama. Bagi pelajar yang mempunyai masalah gangguan capaian internet, mereka tidak perlu gusar jika tertinggal sesi pdpt yang telah ditetapkan. Pelajar masih boleh memahami isi silibus yang diajar dengan memuat turun video yang telah dirakam. Pelajar juga boleh menyimpan video rakaman bagi tujuan rujukan pada waktu yang lain. Bagi pihak pensyarah pula, jika mereka bercadang untuk menyampaikan isi kandungan silibus secara '*asynchronous*', sesi tersebut boleh dirakam terlebih awal dan menyimpan video tersebut di dalam platform MS Teams untuk tontonan pelajar. Pelajar boleh sama ada menonton atau memuat turun video tersebut.

Penggunaan Ms Teams ini menjadi mudah kerana ia menjadi tapak asas sebagai pusat sehenti untuk semua kumpulan koloberatif yang digunakan seperti MS Office serta aplikasi dan perisian yang lain. Perkongsian *whiteboard* di dalam MS Teams juga memudahkan pelajar-pelajar untuk memahami topik yang diajar apabila pensyarah boleh menulis di atas *whiteboard* tersebut seperti menulis pada papan putih di dalam kelas realiti. Pelajar juga boleh menulis pada *whiteboard* yang sama, sama ada untuk bertanyakan soalan atau memberikan idea terhadap sesuatu topik. Ini membuatkan sesi pdpt berlangsung seperti sediakala di dalam kelas konvensional. Penggunaan akaun MS Teams yang percuma dikalangan pelajar juga membolehkan pelajar mengoptimunkan penggunaan setiap aplikasi dan fungsi yang disediakan di dalam platform tersebut.

**Kesimpulan**

Terdapat dua kaedah pdpt yang diaplikasikan iaitu '*synchronous*' dan '*asynchronous*'. '*Synchronous*' merujuk kepada sesi pdpt pada masa sebenar (*real-time*). Pengajar dan pelajar boleh berkomunikasi dan bertemu secara maya pada masa yang sama, walaupun ketika berada

di lokasi yang berlainan. Manakala ‘asynchronous’ pula merujuk kepada pembelajaran tidak berlaku pada masa sebenar (real-time). Komunikasi di antara pengajar dan pelajar boleh berlaku pada masa yang berbeza. (Zalika Adam, 2020). Pelaksanaan norma baharu pada hari ini banyak mengubah persepsi pelajar dan pensyarah dalam kaedah menyampaikan ilmu pengetahuan. Walaupun majoriti pelajar memilih platform MS Teams sebagai satu medium yang menggantikan bilik kuliah konvensional, terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang tidak dapat menerima kaedah pdp norma baharu ini. Mereka lebih memilih untuk belajar secara bersempena dengan kehadiran pensyarah di dalam bilik kuliah secara konvensional. Keyakinan mereka terhadap penggunaan platform pdpt ini masih rendah. Antara faktor yang mempengaruhi pilihan mereka adalah faktor semester. Pelajar semester 1 masih dibayangi dengan corak pdp semasa di peringkat sekolah dengan kehadiran guru di dalam kelas. Faktor lain adalah masalah capaian internet yang kurang baik menyebabkan mereka memilih untuk belajar secara konvensional. Isu ini boleh diatasi dengan bantuan dan dorongan daripada para pensyarah agar menjadi lebih menarik. Pensyarah perlu bijak menggunakan ruang dan kepelbagaiannya kaedah pdp agar sesi pdpdt ini menjadi lebih menarik. Antara elemen yang boleh ditambah semasa sesi pdpdt adalah dengan memasukkan aktiviti-aktiviti *Outcome Based Education* OBE dalam talian seperti *coggle*, *wordwall*, *powtoon* dan pelbagai aplikasi lagi bagi menarik minat pelajar dan menjadikan sesi pdpdt tidak membosankan.

## References

- Abu, M. S. & Tasir. Z (2003). *Analisis Data Berkompputer SPSS 11.5 for Windows*. Skudai: Venton Publishing.
- Alhat, S. (2020). *Virtual Classroom: A Future of Education Post-COVID-19*. International Journal of Education. Volume: 8. Issue: 4.
- Amiruddin Damit & Khaizer Omar. (2019). *Meneroka impak dan cabaran pensyarah terhadap pelaksanaan E-pembelajaran di Kolej Vokasional Zon Tengah, Malaysia*. The 5th International Conference on Educational Research and Practice. (ICERP).
- Berita Harian (2020, Mac,12). *WHO Isytihar Wabak Covid-19 Pandemik*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. Third Edition*. New York & London.
- Cronbach, L.J (1949). *Essentials of Psychological Testing*: New York. Harper & Brothers.
- Garis Panduan Pengurusan Operasi Politeknik Dan Kolej Komuniti Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Pandemik Covid-19. Retrieved from [http://www.pkt.edu.my/images/Covid/Surat\\_Edaran\\_GP\\_Pengurusan\\_Pengoperasian\\_Institusi\\_di\\_bawah\\_JPPKK.pdf](http://www.pkt.edu.my/images/Covid/Surat_Edaran_GP_Pengurusan_Pengoperasian_Institusi_di_bawah_JPPKK.pdf)
- Hapini Awang, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Erwani Kamaruddin, Abdulrazak F. Shahatha Al-Mashhadani & Shakiroh Khamis. (2020). *Cabarannya melaksanakan teknologi maklumat dan komunikasi: analisis kes persekitaran pembelajaran Maya-Frog serta strategi untuk melestarikan penggunaan google classroom dalam kalangan guru*. Journal of Educational Research & Indigenous Studies 1, No. 1: 1-18.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Kroker, A., & Weinstein, M. A. (1994). *Data trash: The theory of the virtual class*. New World Perspectives.
- Martínez, R. A., Blanco, L. A., Iglesias, T. M., Herrero, M. H. (2013). *The challenging role of educating children at home*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/306118288\\_The\\_challenging\\_role\\_of\\_educating\\_children\\_at\\_home](https://www.researchgate.net/publication/306118288_The_challenging_role_of_educating_children_at_home)
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2020). *Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education 10.1: 77-94.
- Nsiah-Gyabaah, K. (2011). *The increasing demand for tertiary education in Ghana and female participation*. Journal of Polytechnics in Ghana, 5(1), 49-68.
- Syarafina Abdul Rahman, Zainal Zolkifli, & Ying-Leh Ling. (2018). *Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital*. National Research Innovation Conference (NRICOn 2020)
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business : A Skill Building Approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Wan, Y. S. (2020). *Education during COVID-19*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/340860261\\_Education\\_during\\_COVID-19](https://www.researchgate.net/publication/340860261_Education_during_COVID-19)
- Yusof, R. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong, Pahang : PTS Pubs. & Distri
- Zalika Adam (2020). “pelajar dan kaedah pembelajaran dalam talian” <https://today.salamweb.com/ms/pelajar-dan-kaedah-pembelajaran-dalam-talian/>
- Zeliha Demir & Mehmet Baris. (2013). *Relationship between online learning readiness and structure and interaction of online learning students*. Educational Sciences: Theory and Practice 13.3: 1792-1797.